



KEPUTUSAN MESYUARAT LEMBAGA FATWA SARAWAK

MLFNS-21 (6)

25 September 2012

HUKUM PENGGUNAAN UBAT CLEXANE DAN PRAXIPARINE

Mesyuarat Lembaga Fatwa Negeri Sarawak Kali Ke-21 yang bersidang pada 9 Zulkaedah 1433 bersamaan 25 September 2012 telah memutuskan bahawa:

- Islam menegah penggunaan ubat dari sumber yang haram bagi mengubati sesuatu penyakit, kecuali dalam keadaan di mana tiada ubat dari sumber yang halal ditemui dan bagi menghindari kemudharatan mengikut kadar yang diperlukan sahaja sehingga ubat dari sumber yang halal ditemui.
- Oleh itu, berhubung dengan penggunaan ubat Clexane dan Fraxiparine yang dianggap darurat kepada para pesakit bagi mencegah formulasi pembekuan darah secara serta merta ketika pesakit berada pada tahap kronik.
- Mesyuarat memutuskan bahawa penggunaan kedua-dua jenis ubat ini adalah ditegah kerana ia dihasilkan dari sumber yang diharamkan oleh Islam. Memandangkan pada masa ini telah terdapat alternatif ubat iaitu Arixtra yang dihasilkan daripada sumber halal dan mempunyai fungsi serta keberkesanan yang sama dengan Clexane dan Fraxiparine.

Bertarikh 25 September 2012
(MLFNS-21/(6))

DATU HAJI KIPLI BIN HAJI YASSIN

Pengerusi

Lembaga Fatwa Negeri Sarawak

JABATAN MUFTI SARAWAK